



## SYARAT-SYARAT PENJAJA BAZAR RAMADAN TAHUN 2022

### AKTIVITI PERNIAGAAN BAZAR RAMADAN BAGI TAHUN 2022 ADALAH TERTAKLUK KEPADA ARAHAN DAN SOP PIHAK MAJLIS KESELAMATAN NEGERA (MKN)

- 1 Pemohon adalah warga negara dan keutamaan kepada yang tinggal di dalam kawasan Daerah Kerian.  
( 1 peniaga dibenarkan memohon 1 tapak sahaja)
- 2 Semua pekerja/pembantu yang terlibat dalam menjalankan perniagaan adalah warga negara sahaja.
- 3 Borang Permohonan atas talian akan dibuka pada **1 Mac 2022 – 3 Mac 2022 pada jam 4.00 Petang** dan permohonan yang layak / diterima akan melalui proses undian atas talian.  
Tarikh undian akan dimaklumkan (dilaksanakan oleh pihak Majlis Daerah Kerian)
- 4 Bayaran perkhidmatan sampah, sewa tapak dan kad tanda nama bagi perniagaan penjaja bazar ramadan adalah **RM130.00 sebulan** dan hendaklah dijelaskan ke Majlis pada tarikh yang akan ditetapkan.
- 5 Kebenaran ini diberi sementara sahaja sempena menyambut bulan puasa.
- 6 Perniagaan yang dijalankan hanya di tempat yang ditetapkan / dibenarkan oleh Majlis Daerah Kerian dan masa perniagaan yang dibenarkan selepas jam 3.00 petang setiap hari.
- 7 Barang-barang larangan seperti mercun dan bunga api tidak dibenarkan dijual di bazar ramadan tanpa kebenaran bertulis daripada pihak Majlis.
- 8 Tuan/puan tidak dibenarkan meninggalkan sisa-sisa jualan seperti hampas tebu, kulit kelapa dan sebagainya di tempat perniagaan. Tuan/puan hendaklah terlebih dahulu melapik tempat memproses air tebu / kelapa bagi memudahkan untuk mengumpul semua sisa-sisa jualan untuk dimasukkan ke dalam beg plastik dan dibuang ke dalam tong sampah amroll yang telah disediakan oleh pihak Majlis di kawasan berhampiran tapak perniagaan.
- 9 Tuan/puan juga tidak dibenarkan meninggalkan perkakas perniagaan seperti meja, payung, bangku, roda tiga dan sebagainya di tempat perniagaan.
- 10 Semua pengendalian makanan hendaklah mendapat suntikan thypoid (sah tempoh) dan wajib menghadiri kursus pengendalian makanan.
- 11 Peniaga yang menjual makanan bermasak dimestikan memakai tudung kepala atau topi, apron dan kasut bertutup setiap masa semasa mengendali makanan.
- 12 Semua makanan yang dipamerkan untuk jualan mesti bertutup dan tidak dibiarkan di dalam keadaan terdedah kepada persekitaran.
- 13 Semua barang jualan mesti mempamerkan tanda harga.



## **SYARAT-SYARAT PENJAJA BAZAR RAMADAN TAHUN 2022**

- 14 Peniaga-peniaga yang membakar ikan/ ayam panggang/percik / sate / makanan bergorang perlu menyediakan pelapik di petak perniagaan supaya minyak/arang daripada proses pembakaran/panggang ini tidak bertaburan di atas jalan **DAN DIINGATKAN BAHAN BAKAR TIADA BARA API SELEPAS PERNIAGAAN BAGI MENGELAKKAN PUNCA KEBAKARAN.**
- 15 Semua sisa-sisa perniagaan sama ada cecair atau pepejal dan sampah sarap dilarang di buang ke dalam mana-mana parit, longkang awam dan di atas jalan. Hendaklah dimasukkan ke dalam karung plastik dan dibuang ke dalam tong sampah awam.
- 16 Peniaga dikehendaki sentiasa menentukan kawasan petak berniaga dan sekitarnya berkeadaan bersih dan tiada sampah sarap sisa-sisa bertaburan.
- 17 Dilarang meletak barang makanan di atas mana-mana jalan awam.
- 18 Semua peralatan yang digunakan untuk perniagaan khusus yang melibatkan jualan makanan/minuman mesti sentiasa berkeadaan baik dan bersih.
- 19 Semua bungkusan makanan hendaklah menggunakan kertas yang dilapisi dengan plastik, penggunaan kertas bercetak secara terus tidak dibenarkan.
- 20 **DILARANG MENGGUNAKAN BEKAS POLISTIRENA (POLISTRINE)** dan perlu menggunakan bekas makanan dari bahan yang mudah diurai secara semula jadi.
- 21 **TIDAK DIGALAKKAN** menggunakan beg plastik sekali guna bagi membungkus makanan dan hendaklah menggunakan bahan/beg kitar semula atau digalakkan membawa mangkuk tingkat.
- 22 Pakaian dan kebersihan diri hendaklah sentiasa di dalam keadaan yang bersih.
- 23 Tidak dibenar memindah milik, menyewa, menggunakan ruang melebihi tapak penjaja tanpa kebenaran daripada Majlis.
- 24 Dilarang sama sekali melakukan apa-apa perkara yang boleh merosakkan harta benda Majlis.
- 25 Pihak Majlis berhak meminda syarat-syarat tersebut dari semasa ke semasa.
- 26 Adalah diingatkan bahawa menurut Undang-Undang Kecil Penjaja (Majlis Daerah Kerian) 1984 boleh menawarkan kompaun tidak melebihi RM 250.00 akan dikenakan kepada mana-mana peniaga yang ingkar mematuhi syarat-syarat atau arahan penjawat Majlis serta lesen sementara perniagaan bazar ramadan akan dibatalkan.